

**TERMA DAN SYARAT BAGI PENGGUNAAN PARKIR KENDERAAN UNTUK TUJUAN TEMPAT
MENCUCI KERETA, BENGKEL, AKSESORI KENDERAAN, TEMPAT PENYIMPANAN TROLI DAN
PEMASANGAN TANJAKAN (RAMP) DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MDLBS UNTUK TAHUN 2024**

1. Mengemukakan permohonan rasmi secara bertulis dengan menyatakan tujuan, tarikh penggunaan, tempat parkir kereta (lokasi) dan jumlah lot yang dipohon.
2. Pemohon mesti mempunyai lesen perniagaan (Trade Licence) yang sah daripada Pejabat Daerah Sibu/Selangau sebelum mengemukakan permohonan kepada Majlis (1 salinan lesen perniagaan wajib dikepilkan bersama).
3. Pemohon hanya dibenarkan untuk menggunakan parkir kenderaan yang telah diluluskan sahaja.
4. Setelah kelulusan diterima, pemohon hendaklah mematuhi arahan seperti di bawah :
 - (a) Mempamerkan papan tanda yang lengkap dengan logo Majlis bagi menunjukkan kebenaran penggunaan parkir tersebut telah diberikan oleh pihak Majlis (papan tanda akan disediakan oleh pihak Majlis untuk keseragaman penggunaan papan tanda)
 - (b) Pemohon diingatkan agar tidak membuat sebarang pembinaan struktur sementara atau kekal di atas parkir kenderaan tersebut. Walaubagaimanapun, bagi pemasangan tanjakan (ramp) mudah alih adalah dibenarkan untuk kegunaan kedai-kedai seperti kedai aksesori kenderaan, bengkel, kedai mencuci kereta, supermarket dan lain-lain yang berkaitan.
 - (c) Sentiasa memastikan parkir tersebut dalam keadaan yang bersih serta memuaskan terutamanya sampah-sarap di bawah tanjakan.
 - (d) Pemohon juga diingatkan agar tidak melakukan sebarang kerosakan di mana-mana bahagian jalan atau parkir tersebut.
5. Parkir kenderaan yang telah diluluskan oleh pihak Majlis untuk disewakan akan dicatkan dengan **warna hijau**.
6. Caj permit bagi penggunaan parkir kenderaan adalah seperti berikut :

BIL	PERKARA	JUMLAH (RM)
1	Caj 1 lot parkir kenderaan	1) Sibujaya = RM150.00 sebulan 2) Selangau/Stapang/Durin/ PineSeduan/Bougenvilla/ Kemuyang = RM60.00 sebulan
2	Caj Deposit [Hanya untuk pemasangan tanjakan (Ramp) dan dibayar sekali sahaja.	1) Tanjakan besi / kayu = RM500.00 untuk sebuah premis. 2) Tanjakan simen = RM3000.00 untuk sebuah premis.

7. Sekiranya didapati berlaku sebarang kerosakan / kemusnahan / tidak bersih dan kemas di parkir tersebut, pihak Majlis berhak menarik balik kelulusan permit yang telah diberikan pada bila-bila masa sahaja tanpa sebarang notis. Pada masa yang sama juga, wang deposit yang telah dibayar tidak akan dikembalikan atau dilucutkan oleh Majlis.

8. Pembayaran hendaklah dibayar terus kepada Majlis Daerah Luar Bandar Sibul, sekurang-kurangnya seminggu lebih awal dari tarikh penggunaan sebenar.
9. Pihak Majlis berhak untuk mengubah atau menambah apa-apa sahaja terma dan syarat dari semasa ke semasa sekiranya difikirkan perlu.
10. Pihak Majlis juga tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan, kehilangan dan kemalangan yang berlaku yang disebabkan oleh penggunaan parkir kenderaan tersebut.